

UTUSAN MALAYSIA Ms. 20 21/5/2003

Dalam Negeri

Umat Islam di Asia Barat terus ditindas

Oleh HATA WAHARI

PETALING JAYA 20 Mei — Umat Islam di Asia Barat akan terus ditindas oleh Amerika Syarikat (AS) dalam usaha negara itu memastikan Israel menjadi negara yang kuat dan berpengaruh di rantau tersebut.

Ahli akademik dan penulis buku mengenai Islam dari Pulau Carribean dan Trinidad, Imran Hosein berkata, AS akan melaksanakan pelbagai tekanan terhadap negara-negara Asia Barat bagi memastikan kepentingan Israel tidak terjejas.

"Sekarang ini negara-negara Asia Barat telah pun menerima tekanan dari AS terutama Syria yang menentang keras serangan ke atas Iraq.

"Semua negara di Asia Barat tidak akan terkecuali daripada tekanan ini sehinggalah mereka tunduk untuk mengiktiraf dan menerima Israel se-

bagai sebuah negara berdaulat di rantau tersebut," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan syarahan umum bertajuk 'Pasca Perang Iraq dan Kesan Ke atas Negara-negara Islam' di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar (IDHL) di sini hari ini.

Imran pernah mempelajari Islam di Institut Pengajian Aleemiyah, Karachi serta mendapat didikan dari seorang ahli Sufi, Maulana Dr. Muhammad Fazlur Rahman Ansari.

Beliau juga telah menghasilkan beberapa buah buku seperti 'Islam dan Buddha di Dunia Moden' yang ditulis ketika berusia 29 tahun.

Syarahan tersebut disertai kira-kira 30 orang yang terdiri daripada ahli akademik, diplomat dan pelajar-pelajar luar negara yang sedang mengikuti kursus di IDHL.

Menurutnya, negara-

negara di Asia Barat kini telah pun mula mengadakan rundingan secara sulit dengan AS dan Israel.

Imran yang juga merupakan katib khutbah Jumaat di Ibu Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di New York sejak 10 tahun lepas memberitahu, negara-negara Islam lain dan negara-negara yang menentang serangan ke atas Iraq juga akan menerima tekanan dari AS.

Menurut beliau, negara-negara Islam lain kini terpaksa berhadapan dengan tekanan dari AS yang sengaja mencetuskan pelbagai masalah di dunia seperti kelembapan ekonomi dan globalisasi dalam usaha menguasai negara tersebut.

"Bukan sesuatu yang sukar untuk menguasai negara-negara lain, apa yang perlu adalah menggunakan senjata wang," katanya.

Ujar beliau, AS dan Israel juga akan menggu-



IMRAN Hosein (kanan) menyampaikan ceramah mengenai perang Iraq dan kesan kepada masyarakat Islam seluruh dunia di Kuala Lumpur semalam.

nakan senjata wang dan minyak bagi menundukkan negara-negara seperti Rusia, Perancis dan China.

Imran mendakwa, tindakan-tindakan AS ini untuk mencapai satu objektif utama iaitu bagi membolehkan Israel menakluki rantau Asia Barat dan meletakkan negara lain di dunia di bawah kekuasaan negara itu.

Sementara itu Pengarah Penyelidikan dan Penerbitan IDHL, Datuk Salehuddin Abdullah berkata, keganasan yang berlaku sejak akhir-akhir ini merupakan tindakan balas dendam ke atas penindasan AS.

Salehuddin berkata, oleh kerana terlalu marah pejuang-pejuang Islam sanggup melakukan apa sahaja untuk menyerang

kepentingan AS dan negara-negara barat lain. "Faktor yang mencetuskan tindakan ganas ini seperti penindasan ekonomi, politik dan fahaman agama.

"Keganasan ini akan terus berlaku sehinggalah punca perkara itu diselesaikan," katanya.

Tegasnya, walaupun AS menang dalam peperangan ke atas Iraq, ia

adalah kemenangan sementara memandangkan kestabilan sesebuah negara itu tidak harus dicapai melalui peperangan.

Salehuddin menjelaskan, serangan pejuang Islam di Casablanca, Maghribi dan Riyadh di Arab Saudi kerana ingin melepaskan kemarahan kepada AS yang melakukan penindasan.